

13/01/1998

Jualan Kriss dijangka naik 15 peratus

JAMINAN kerajaan bahawa ekonomi negara pulih semula sekurang-kurangnya pada tahap sederhana dalam masa yang singkat dijangka menaikkan jualan motosikal nasional tahun ini pada kadar 10 hingga 15 peratus.

Keyakinan itu ditambah dengan langkah Motosikal & Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) memberikan bonus RM250 kepada setiap pembelian Kriss 110 yang dibuat dari 1 Januari lalu hingga 28 Februari depan.

Ketua Eksekutif Modenas, Rashid Din, berkata pihaknya percaya tawaran baik Modenas serta langkah institusi kewangan untuk meneruskan semula pinjaman bagi pembelian motosikal, akan menggalakkan orang ramai untuk membeli motosikal nasional.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan jumlah jualan Kriss pada setiap bulan kerana perangkaannya masih belum dapat ditentukan.

Sebelum ini Modenas mengeluarkan motosikal sehingga 15,000 sebulan, tetapi kebelakangan ini ia dikurangkan kepada 10,000 kerana masalah ekonomi yang dihadapi negara mengurangkan permintaannya.

Rashid mengakui jualan motosikal Kriss 110 merosot di antara 10 dan 15 peratus sebulan pada penghujung tahun lalu berikutan kegawatan ekonomi dan pembeli sukar mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.

Bagaimanapun, kadar jualan motosikal Kriss naik semula awal tahun berikutan pengumuman kerajaan bahawa ekonomi negara dapat dipulihkan pada masa singkat.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau yakin ekonomi negara akan pulih semula ke tahap sederhana dalam tempoh enam hingga 12 bulan jika rakyat menaruh kepercayaan penuh terhadap ringgit dan pasaran saham negara.

"Dengan adanya pinjaman bagi pembelian motosikal seperti yang dinikmati pembeli sebelum ini, kita harap kadar jualan Kriss 110 akan terus meningkat dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita di pejabat Modenas, Gurun, semalam.

Beliau berkata, Kriss 110 masih mendahului pasaran motosikal tempatan dengan motosikal empat lejangnya menguasai 58 peratus daripada pasaran.

(END)